

Beri 'taring' dalam menguatkuasakan kesalahan bahasa Melayu

Akta DBP dipinda - PM

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**

juani.bakar@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Pindaan Akta Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 1959 yang akan dilakukan dalam waktu terdekat akan memberi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 'taring' dalam menjalankan penguatkuasaan undang-undang terhadap kesalahan penggunaan bahasa Melayu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ketika ini, banyak aspek bahasa Melayu ditinggalkan seperti nama-nama taman, kawasan perumahan dan jalan serta tulisan sedangkan perkara itu menjadi syarat.

"DBP tidak mempunyai kuasa, mungkin tiada kuasa dan tindakan penguatkuasaan, jadi kita mahu akta ini dipinda bagi beri kuasa bertindak.

"Kita minta DBP untuk kaji pindaan sebelum dikemukakan kepada Kabinet dan dibawa ke Parlimen untuk diluluskan," katanya selepas Majlis Perasmian Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Balai Budaya Tun Syed Nasir, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini semalam.

Ketika berucap, Perdana Menteri berkata, arahan telah dikeluarkan agar semua urusan rasmi ke luar negara termasuk surat-menyurat hendak dikeluarkan dalam bahasa Melayu



ISMAIL Sabri Yaakob beramah mesra bersama peserta antarabangsa Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur semalam. -UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

dengan disertakan terjemahan bahasa Inggeris.

"Saya telah memulakan rundingan dalam bahasa Melayu khususnya ketika Sidang ASEAN-AS yang dihadiri Pre-

siden AS. Mesej saya diterima walaupun disampaikan dalam bahasa Melayu," katanya.

Beliau menegaskan, penggunaan bahasa itu harus diperluaskan termasuk membabit-

kan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan sektor swasta.

"Seluruh Keluarga Malaysia terutama penjawat awam harus memberi komitmen memartabatkan bahasa Melayu," katanya.